

Headline	Kombinasi Tun M-Anwar bawa impak positif		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	03 Jul 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	37	ArticleSize	257 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,800	PR Value	RM 5,401



# Kombinasi Tun M-Anwar bawa impak positif

ALORSETAR – Sudah tiba masanya untuk Pakatan Harapan terima semula kombinasi pengaruh Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim jika berhasrat untuk menubuhkan kerajaan pada PRU14.

Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa, Pusat Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Md Shukri Shuib berkata, perkara itu bukan sahaja mampu membawa impak positif kepada pembangkang, malah kehadiran Tun Mahathir juga adalah calon terbaik sebagai perdana menteri.

“Inilah dilema yang dihadapi oleh Pakatan Harapan. Jika Tun Mahathir nyatakan kesediaan untuk jadi PM, saya fikir ia petanda tidak baik kepada parti-parti pembangkang yang lebih senior.

“Ia seolah-olah pembangkang tidak boleh diharap untuk memimpin masyarakat dan negara. Jika itu isyaratnya, maka ramai tokoh pembangkang perlu bersara serta merta dan memberikan peluang ke-

pada Tun Mahathir serta tokoh-tokoh dari Bersatu untuk membangunkan semula pembangkang yang kini seolah-olah daif kepimpinannya,” katanya.

Menurutnya, dilema yang dihadapi Pakatan Harapan kini bukan sahaja seolah-olah menjadi pelayan kepada Anwar, tetapi kini beralih seolah-olah menjadi ‘dayang-dayang’ kepada Tun Mahathir dan Bersatu yang lebih junior dari segi penubuhannya.

“Walaupun begitu, ia mungkin berhasil jika parti pembangkang ikut cakap Tun Mahathir kerana beliau adalah Presiden dan Pengerusi BN selama lebih 20 tahun.

“Mungkin beliau tahu operasi dan modus operandi Umno serta BN, jadi pemikiran Tun Mahathir juga adalah aset kepada pembangkang,” katanya.

Penganalisis politik itu berkata, se-



MD SHUKRI

mua parti pembangkang harus mengadakan satu pengisytiharan jelas bahawa Tun Mahathir adalah diterima sebagai calon perdana menteri sekali lagi jika Pakatan Harapan menang pada PRU14.

“Semua tokoh Pakatan Harapan perlu ikrar serta taat setia kepada Tun Mahathir dan ia akan membawa impak positif kepada Pakatan Harapan. Saya fikir sudah tiba masanya

Pakatan Harapan menerima semula kombinasi pengaruh Mahathir-Anwar jika nak tubuhkan kerajaan.

“Jika Pakatan Harapan ikhlas menerima kehadiran Tun Mahathir, jadi secara positifnya beliau adalah calon terbaik untuk menjadi perdana menteri dan Anwar pula sebagai Timbalan Perdana Menteri jika Pakatan Harapan menang pada PRU14,” katanya.